

# Dr. Mahathir tanam semangat 'Negara Membangun Boleh'

Daripada G. MANIMARAN

UM 14 AUG 2003

EZULWINI (Swaziland) 13 Ogos — Selepas menyemai slogan Malaysia Boleh, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menarik perhatian para peserta Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Global-SAID 2003) dengan menamakan semangat "Negara Membangun Boleh".

Sambil menyeru negara-negara miskin menggunakan pendekatan bestari untuk memakmurkan masyarakat dan negara sendiri sebelum mengorak langkah ke peringkat dunia. Dr. Mahathir berkata, negara-negara membangun harus yakin mereka boleh mengubah dunia untuk mengatasi ketidakseimbangan kekayaan.

"Sebab itu saya percaya bahawa mengapa kita berada di Ezulwini, negara Swaziland yang hebat.

"Kita tidak seharusnya terlalu bercita-cita tinggi. Kita seharusnya melakukan apa yang sebenarnya betul dalam lingkungan masyarakat kita, dalam lingkungan negara sendiri sebelum berusaha mengubah dunia.

"Kita harus yakin bahawa kita boleh melakukannya. Sudah pasti kita boleh melakukannya," kata Dr. Mahathir dalam ucapan bertema-

kan Membentuk Bersama Haluan Kita: Cara Perkongsian Bestari sempena Global-SAID 2003, di sini malam ini.

Kira-kira 600 peserta termasuk sembilan ketua kerajaan mengambil bahagian dalam Global-SAID 2003.

Global-SAID 2003 merupakan pertemuan Gerakan Perkongsian Bestari pertama selepas dunia dilanda Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan serangan ke atas Iraq. Ia dirasmikan oleh Raja Swaziland, Raja Mswati III.

Dr. Mahathir menambah, dalam melaksanakan konsep perkongsian bestari, setiap peserta sama ada individu, masyarakat ataupun negara harus bersedia untuk membuat pengorbanan bagi menikmati kemakmuran bersama.

"Ini merupakan cara kita membentuk bersama destini kita, membentuk bersama menerusi cara perkongsian bestari," katanya lagi.

Menurut beliau, negara-negara dunia ketiga yang dilabelkan sebagai negara membangun hanya boleh menangi dengan nasib yang dialami sekarang tetapi ia tidak akan membawa manfaat.

"Satu-satunya penghujahan adalah menggunakan kekuatan kita meskipun dalam kadar yang kecil," katanya.

Beliau tidak menolak terdapat negara kaya yang sedia membantu negara-negara miskin dan peluang itu harus digunakan untuk membentuk pakatan perkongsian.

"Tetapi yang lebih penting, kita memastikan rumah kita berada dalam keadaan baik. Hidup ini pendek. Kuasa dan kekayaan hanya boleh dinikmati dalam jangka pendek.

"Malah yang paling berkuasa, paling kaya akan mati. Tetapi jika kuasa dan kekayaan digunakan untuk membina negara, membangunkan ekonomi, hasilnya akan berkekalan lama selepas kita mati dan pergi," katanya.

Raja Mswati III merasmikan Global-SAID 2003 dengan sesi yang dinamakan sebagai Biar Kita Bersatu yang diwarnai dengan persembahan kebudayaan Swazi dan disusuli dengan majlis makan malam.

Selain Malaysia dan Swaziland, Presiden Mozambique, Sudan, Uganda dan Zimbabwe turut hadir.

Dalam pada itu, Lesotho, Gambia, Congo, Taiwan, Cameroon, Malawi dan Tanzania menghantar wakil masing-masing. —*Utusan*